

Tokoh Siswa diangkat jadi ikon pelajar

utusan 3/3/2014

KUALA TERENGGANU 2 Mac - Pemenang Anugerah Tokoh Siswa 2013 mampu menjadi ikon yang memberi inspirasi kepada pelajar di semua peringkat untuk bersaing mencapai cemerlang dalam bidang akademik, kepimpinan dan kesukarelaan.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pencapaian penerimanya terbukti mengagumkan yang boleh diukur daripada segi impak, sumbangan serta keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris seiring dengan keputusan akademik yang baik.

Katanya, pengiktirafan tertinggi dan berprestij itu digerakkan bagi menarik penglibatan meluas pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam pelbagai lapangan yang meningkatkan nilai tambah kepada kebolehpasaran diri dan memberikan lebih banyak sumbangan kepada masyarakat.

"Proses pemilihan telah dilaksanakan dengan teliti menggunakan penanda aras yang tinggi. Saya berharap mereka dapat menjadi duta kecil yang boleh meningkatkan imej Malaysia," katanya dalam Majlis



IDRIS Jusoh (dua dari kiri) menyampaikan anugerah Tokoh Pemimpin Siswa kepada Ju Ariana Ibrahim di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, malam semalam. Turut hadir Dr. Ibrahim Komoo (kiri). - UTUSAN/AZLAN BAHROM

Anugerah Tokoh Siswa 2013 di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu,

Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo dan Timbalan Pengarah IPT Swasta, Prof. Datuk Dr. Roziah Omar.

Anugerah Tokoh Siswa yang ju-

lung kali diperkenalkan dalam sejarah pendidikan negara bertujuan menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan pelajar IPT dalam bidang kokurikulum serta akademik.

Sebanyak 19 anugerah dipertandingkan dengan 10 anugerah di bawah Kategori Kepimpinan, lapan anugerah bagi Kategori Kesukarelaan dan satu anugerah utama iaitu Anugerah Menteri Pendidikan 2013.

Dalam majlis itu, pelajar jurusan perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Muhammad Fikri Ahmad, 23, muncul sebagai pemenang Anugerah Menteri Pendidikan 2013.

Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa diberikan kepada pelajar jurusan Sains Bioteknologi Pertanian dari Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), Ju Ariana Ibrahim, 23.

Idris berkata, anugerah tersebut akan diperluaskan dengan penyertaan secara berperingkat termasuk kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG), institusi pengajian tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti.